

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 03 OGOS 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bantu mangsa kemalangan	Utusan Malaysia
2.	UPM kaji kemungkinan daun rerama ubati kanser	Utusan Malaysia
3.	Rawatan alternatif	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS): MUKA SURAT 2
TARIKH : 3 OGOS 2015 (ISNIN)



SEBAHAGIAN daripada hasil penyelidikan kumpulan MediTeg yang dipamerkan dan sedia untuk dikomersialkan.

Oleh LAUPA JUNUS
 laupajunus@hotmail.com



Bantu mangsa kemalangan

Usaha universiti awam bangunkan teknologi implan berguna sebagai alat ganti

PERATUS kejadian kemalangan saban tahun sentiasa menunjukkan angka yang membimbangkan.

Banyak sebab ia berlaku dan mengakibatkan kecederaan tetapi biasanya yang kita ketahui adalah kemalangan jalan raya, di tempat kerja semasa bersukan atau di rumah.

Kemalangan yang menyebabkan kecederaan berat atau ringan sekali pun memerlukan rawatan dan kaedahnya bergantung sejauhmana ia serius atau sebaliknya.

Masalah kecederaan yang melibatkan masalah tulang dikenali sebagai ortopedik dan ia antara penyakit yang tinggi di negara ini.

Ekoran itu, kaedah rawatan perlu dipelbagaikan dan sekiranya pembedahan dilakukan, alat ganti perlu ada dan tersedia pada harga yang tidak terlalu membebankan pesakit.

Antara masalah rawatan dalam bidang ortopedik ialah apabila implan alat ganti perlu dilakukan ke atas pesakit.



DR. MOHAMMED RAFIQ ABDUL KADIR

DR. MOHAMED RAFIQ dan Dr. Ardiyansyah Syahrom berbincang sesuatu mengenai penyelidikan yang dijalankan oleh Kumpulan MediTeg.



memandangkan ia perlu diimport dan kosnya tentulah mahal.

Bagi mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah tersebut, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menceburi bidang perubatan khususnya dalam kejuruteraan bahan dengan menubuhkan Kumpulan Teknologi dan Peralatan Perubatan (MediTeg).

Timbalan Dekan Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatannya, **Prof Ir. Dr. Mohammed Rafiq Abdul Kadir** berkata, beliau dan kumpulannya menjalankan penyelidikan membangunkan peranti

perubatan menggunakan teknologi terkini.

Idea ini bermula dengan penubuhan MediTeg pada tahun 2006 setelah mendapati tiada penyelidikan yang menyeluruh dalam bidang peranti perubatan," katanya ketika ditemui di Skudai, Johor Bahru baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, Malaysia mengimport peranti perubatan dengan kos yang sangat tinggi dan MediTeg berusaha untuk mengurangkan kadar import peranti perubatan dengan mengusahakan penyelidikan dalam bidang ini dan mengeluarkan produk sendiri.

Setakat ini hasil penyelidikan yang telah dipatenkan adalah produk ortopedik dan implan gigi. Namun pengkomersialan masih dalam proses.

Beliau berkata, tempoh penyelidikan siap dalam masa tiga hingga lima tahun berdasarkan projek yang dijalankan dan kini MediTeg berjaya mendapat lebih daripada 50 projek sejak 2006 hingga sekarang.


Penyelidikan



ABDULHADI ABDUL WAHAB (duduk) menerangkan sesuatu mengenai persediaan menghasilkan tulang alat ganti.



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS): MUKA SURAT 2
TARIKH : 3 OGOS 2015 (ISNIN)



tersebut memperoleh dana penyelidikan daripada pelbagai pihak iaitu ScienceFund dan TechnoFund oleh Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta tiga daripada Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Geran Penyelidikan Penerokaan (ERGS) dan Geran Penyelidikan Prototaip.

Menurut beliau, masih terdapat banyak lagi penyelidikan yang boleh dijalankan. Beberapa kajian penyelidikan telah berjaya disempurnakan dalam bidang ortopedik dan pergigian.

Walaupun begitu masih banyak lagi penyelidikan yang boleh dijalankan. MediTeg telah pun memulakan kerjasama dalam bidang oftalmologi, pediatrik dan radiologi. Kerjasama dalam bidang-bidang klinikal yang lain akan dimulakan tidak lama lagi.

Kata beliau, pihaknya akan bekerjasama dengan Agensi Peranti Perubatan (MDA) sebagai sokongan kepada penubuhan Akta Peranti Perubatan 2012.

Selain Dr. Mohammed Rafiq yang bertindak sebagai ketua dan pengasas, turut terlibat dalam penyelidikan tersebut ialah Prof. Dr. Hasbullah Idris yang juga pakar bahan dan pembuatan, Prof. Dr. Habibollah Haron (komputeran), Prof. Madya Dr. Nazri Kamsah (mekanik), Prof. Madya Dr. Kahar Osman (bendalir), Prof. Madya Dr. Mat Uzir Wahit (komposit), Dr. Ardiyansyah Syahrom (mekanik dan bahan), Dr. Md Noor Harun (reka bentuk produk), Dr. Ahmad Zhahran (bendalir) dan Dr. Tan Tian Swee yang juga pakar instrumentasi.



SEBAHAGIAN
 hasil
 penyelidikan
 yang berjaya
 dihasilkan
 antaranya
 implan jari,
 giri, buku lali
 pergelangan
 tangan, pinggul
 dan siku.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO): MUKA SURAT 9
TARIKH : 3 OGOS 2015 (ISNIN)

DAUN rerama.

UPM kaji kemungkinan daun rerama ubati kanser

UMUM mengetahui barah antara penyakit yang sukar diubati, dan untuk sekian lamanya pelbagai penyelidikan dilakukan banyak pihak untuk mencari dan menghasilkan ubat serta kaedah perubatan terhadap penyakit yang boleh membawa maut ini.

Usaha berterusan penyelidikan mungkin akan dapat merintis jalan menemui ramuan atau ubat yang berkesan untuk menangani penyakit yang digeruni itu.

Kajian awal oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap tumbuhan yang dikenali sebagai 'daun rerama' atau *Red Butterfly Wing* atau nama saintifiknya *Christia vespertilionis* ini, mendapati ia menunjukkan ciri-ciri anti barah dan anti keradangan.

Justeru, UPM akan menjalankan penyelidikan selanjutnya dengan menjalankan saringan dan ujian praklinikal peringkat kedua terhadap daun rerama.

Pensyarah dan penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, **Prof Madya Dr Latifah Saiful Yazan** berkata, kajian peringkat kedua ini akan dijalankan terhadap haiwan (*in vivo*).

"Dalam kajian itu nanti, sel barah payu dara akan di suntik ke dalam tikus, dan kemudian ia akan dirawat dengan ekstrak daun rerama," katanya dalam temu bual.

Tanaman daun rerama ini diusahakan Khamarul Rezan Lim Abdullah, 55. Ia dikatakan bukan sahaja berkesan merawat barah tetapi juga berupaya mengubati penyakit denggi, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, masalah usus (seperti gastrik, sembelit dan cirit birit), asma, mligrain, resdung dan demam campak.

Dr. Latifah berkata, kajian peringkat kedua itu akan menggunakan sebahagian daripada *Enterprise* Innovation Fund (EIF) sebanyak RM300,000 yang diperuntukkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Untuk kajian tersebut, Khamarul Rezan akan membekalkan daun rerama itu. Beliau sudah mula menanam semula pokok berkenaan, yang akan matang dalam tempoh tiga bulan sebelum daunnya boleh diambil untuk kajian.

Selain untuk penanaman semula pokok, dana tersebut juga digunakan untuk pembelian beberapa peralatan seperti mesin pengering, mesin penghancur dan mesin pembungkus, serta untuk penjenamaan produk.

Dr Latifah berkata, saringan pertama yang dilakukan pada 2103 secara *in vitro*, menggunakan ekstrak daun rerama terhadap enam jujukan sel barah yang sukar dirawat termasuk barah payu dara, peparu, usus besar, serviks dan ovari, mendapati sel yang paling sensitif ialah sel kanser barah payu dara.

Katanya, saringan kedua ini juga akan meneliti profil kimia daun rerama.

Menurutnya, setakat ini sebagaimana yang dimaklumkan kepadanya oleh Khamarul Rezan, secara umumnya ekstrak daun rerama ini tidak mendatangkan kesan sampingan kepada penggunaanya.

Kaedah rawatan yang digunakan ialah meminum rebusan air daun rerama ini, sebagaimana konsep merendam dan meminum air teh.

Menurutnya, daun rerama ini terdapat dalam pelbagai warna tetapi yang digunakan untuk penyelidikan bagi tujuan perubatan ialah daun rerama yang berwarna hijau.

Pokok tersebut boleh mencapai ketinggian kira-kira dua meter, dan bagi mempercepatkan percambahan, pucuknya harus selalu digunting.



DR. LATIFAH SAIFUL YAZAN

Rawatan alternatif

BUAH tunjuk langit sangat dikenali di kalangan orang kampung untuk mengubati pelbagai jenis penyakit.

Walaupun rasanya sangat pahit apabila dikunyah begitu sahaja, namun khasiat buah tersebut begitu tinggi terutamanya penyakit darah tinggi dan gout.

Dengan teknologi terkini dan kajian para saintis antarabangsa, pelbagai kelebihan berjaya ditemui daripada buah ini.

Sekaligus, ia menjadikan salah satu produk alternatif dalam bidang kesihatan dan mampu dikomersialkan di pasaran luar.

Salah satu syarikat yang menjadikan buah itu sebagai formulasi dalam produk kesihatan mereka adalah Tyzo Sdn Bhd yang di asaskan dua anak muda, Dr Mohd Faizal Wahidil dan Tuah Zorqarnain (Tyzo) Idris beberapa tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhammad Faizal berkata, produk tersebut diusahakan bermula apabila salah seorang ahli keluarga mengidap penyakit kencing manis.

"Pada mulanya, mereka menggunakan buah ini sebagai salah satu rawatan alternatif untuk mengubati penyakit itu.

"Selepas beberapa lama mengamalkan memakan buah ini, perubahan drastik dapat dilihat apabila bacaan gula dalam darah menurun," katanya.



Mohd Faizal (kanan) bersama rakan kongsinya, Tyzo Idris memperkenalkan produk mereka, Tyzo Buah Tunjuk Langit.

Dari situ, idea tersebut timbul untuk mengkomersialkan buah tunjuk langit ke pasaran tempatan dalam bentuk minuman dan kapsul.

Ternyata, idea tersebut membawa satu anjakan kepada mereka berdua apabila produk mereka menerima sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.

"Walaupun di awal penubuhan syarikat ini, produk kami kurang dikenali dan pernah ditipu oleh syarikat pembungkusan, namun kami tidak mengalah.

"Selepas menerima bimbingan daripada Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd

yang berada di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, produk kami semakin dikenali ramai," katanya.

Menurut Mohd Faizal, dengan kecanggihan teknologi terkini, khasiat yang terkandung dalam buah tersebut dapat dikekalkan meskipun ia diolah dalam bentuk serbuk minuman dan kapsul ubat.

"Apa yang kami tonjolkan dalam produk ini adalah berbeza daripada ekstrak atau pati kerana mengekalkan keaslian buah tunjuk langit.

"Istimewanya, pengguna dapat menikmati khasiat ini dalam tiga perisa seperti coklat, kopi dan teh," katanya.

Katanya, penghasilan tiga perisa berbeza adalah mengikut kesukaan masing-masing kerana bukan semua menggemari satu perisa sahaja.